

NO SOALAN :16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
(PASIR PUTEH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.03.2015

Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dalam Kerajaan menggalakkan rakyat berurusan transaksi kewangan melalui kewangan Islam, bagaimanakah Kerajaan sendiri menggalakkan GLC di peringkat Kerajaan pusat untuk berurusan dengan kewangan Islam dan bagaimana transaksi Kerajaan pula dalam berurusan dengan pinjaman Kerajaan dengan Bank Dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

17

Kerajaan Pusat sentiasa berusaha meningkatkan serta mempromosikan kewangan Islam di peringkat domestik dan antarabangsa. Rangka Kerja Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) merupakan salah satu usaha Kerajaan untuk memperkenalkan pelaburan patuh Syariah yang mampan dan bertanggungjawab.

Penglibatan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dalam mendukung usaha Kerajaan mengembangkan kewangan Islam di Malaysia adalah ketara.

Selain itu, syarikat GLC juga melanggan produk dan perkhidmatan berasaskan kewangan Islam yang ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan di Malaysia, contohnya produk-produk yang ditawarkan oleh Bank Kerjasama Rakyat (Bank Rakyat) seperti berikut:

- i. Pembiayaan Berjangka- Bai Inah Komoditi;
- ii. Pembiayaan Modal Kerja Berjangka - Bai Inah Komoditi;
- iii. Pembiayaan Modal Kerja '*Revolving*' - Bai Inah Komoditi;
- iv. Pembiayaan Jaminan Bank - Al Kafalah; dan
- v. Pembiayaan Sewa beli - Ijarah Thummalbai.

Setakat 31 Januari 2015, jumlah kelulusan pembiayaan untuk pelanggan GLC oleh Bank Rakyat adalah lebih kurang sebanyak RM711.88 juta dengan baki pembiayaan berjumlah sebanyak RM418.71 juta.

Bagi pinjaman Kerajaan dari Bank Dunia pula, sehingga kini pinjaman yang telah diambil oleh Kerajaan Pusat dari bank tersebut adalah secara konvensional.